

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI  
Tajuk : MAJLIS PELANCARAN BUKU "BADMINTON MALAYSIA: SEJARAH DAN PERJUANGAN"  
Lokasi : HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR  
Tarikh : 19-05-1993

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan limpah kurnia-Nya, pada malam ini kita dapat berpeluang menyingkap sejarah keunggulan sukan badminton di negara ini menerusi buku "Badminton Malaysia: Sejarah dan Perjuangan" yang dikarang oleh Yang Berhormat Dato' Dr.

Abdullah Fadzil Che Wan. Penerbitan buku ini bermakna kita melangkah setapak lagi ke arah meningkatkan prestasi sukan badminton negara.

2. Usaha Dato' Dr. Abdullah Fadzil yang juga Timbalan Presiden BAM, menulis buku khusus mengenai sukan badminton ini sangat-sangat kita hargai kerana sudah lama dinanti- nantikan oleh para peminat badminton tanahair.

3. Sebagaimana yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, tahun 1992 adalah tahun yang amat cemerlang bagi sukan badminton di Malaysia kerana kejayaannya merangkul semula kejuaraan Piala Thomas. Kejayaan tersebut menandakan kebangkitan semula negara kita sebagai gergasi sukan badminton dunia.

4. Kejayaan tersebut sudah tentu menyemarakkan lagi semangat kita untuk terus berjaya. Walaupun terpaksa menanti hampir 25 tahun, namun berkat usaha gigih semua pihak, kejayaan akhirnya memihak kepada kita juga.

5. Penguasaan kita dalam sukan badminton mestilah diperluaskan juga kepada sukan lain. Malaysia memang boleh maju dalam apa juga jenis sukan sekiranya semua ahli sukan dan badan sukan komited dan memainkan peranan yang aktif dalam sukan yang diceburi itu.

6. Usaha yang lebih sistematik dan pendekatan bercorak profesional harus ditingkatkan supaya mutu sukan badminton terus cemerlang dan mampu menghadapi cabaran yang lebih hebat pada masa-masa akan datang. Dalam hal ini, Kerajaan sentiasa menyokong penuh usaha meningkatkan sukan badminton supaya dapat terus menempa kejayaan pada masa akan datang kerana ini akan dapat menaikkan lagi imej negara di mata dunia.

7. BAM telah membuat pelbagai usaha untuk meningkatkan mutu badminton negara. Antaranya ialah menubuhkan Akademi Badminton Malaysia dan Yayasan Badminton Malaysia.

Kewujudan kedua-dua institusi ini sudah pasti akan membawa perubahan yang positif kepada perkembangan badminton tanahair. Selain daripada itu banyak usaha telah dilakukan untuk meningkatkan lagi mutu permainan badminton di samping menyediakan pemain-pemain pelapis yang berpotensi dan berwibawa.

8. Penubuhan Akademi Badminton Malaysia merupakan satu usaha untuk menampilkan jaguh-jaguh baru negara dalam arena badminton pada masa akan datang. Akademi ini, adalah yang pertama di negara ini malahan seluruh dunia, yang menyediakan pendidikan akademi dan motivasi di samping mata pelajaran khas mengenai permainan badminton, teori dan praktikal.

9. Sukan badminton sudah sehati dengan kita semua sebagai salah satu aktiviti riadah bagi menyihatkan badan. Sukan ini juga membawa faedah yang besar kerana telah melahirkan pemain-pemain badminton berwibawa sebagaimana yang telah terbukti.

10. Di samping itu, sukan ini juga berjaya menegakkan sebuah negara majmuk yang masyarakatnya

hidup dalam harmoni dan penuh muhibah. Rakyat semua peringkat khususnya generasi muda dapat berinteraksi sama ada di dalam gelanggang atau di luar gelanggang.

11. Di dalam sesuatu perlawanan, penonton dan peminat dapat bersama-sama melonjak gembira ketika pasukan negara mencapai kejayaan dan bersama-sama merasakan kekecewaannya apabila tewas. Namun semangat kesukanan pemain-pemain kita sentiasa meletakkan mereka dalam kecemerlangan.

12. Saya percaya anak-anak muda yang sedang diasuh dalam sukan ini terutama di Akademi Badminton Malaysia, akan meletakkan Malaysia terus unggul di dunia menerusi sukan badminton. Sokongan dan nasihat daripada semua pihak termasuk peminat adalah perlu untuk para pemain lebih berusaha gigih dan bersemangat waja.

13. Sejarah telah memaparkan detik-detik kemerosotan dan kegemilangan sukan ini. Dengan menyingkap kembali sejarah, maka kita boleh membuat penelitian dan kajian serius untuk mempertingkatkan lagi mutu sukan ini pada masa akan datang.

14. Di sini ingin saya menegaskan jika kita mempunyai pandangan atau buah fikiran yang bernas ia haruslah diluahkan dalam bentuk yang boleh dikongsi bersama. Oleh itu buah fikiran yang baik haruslah disalurkan ke pihak- pihak yang berkenaan, supaya dapat diperbaiki apa juga kelemahan yang difikirkan berlaku sama ada yang menyentuh badan sukan dan pentadbirannya ataupun para pemain.

15. Saya berharap sukan badminton ini terus unggul. Wira- wira sukan datang dan pergi. Oleh itu sebelum wira yang ada sekarang ini bersara, persiapan melatih wira-wira baru mesti dilakukan dari sekarang. Saya percaya BAM mempunyai perancangan yang rapi untuk terus melahirkan pemain badminton yang boleh beraksi cemerlang di peringkat dunia.

16. Usaha Yang Berhormat Dato' Dr. Abdullah Fadzil Che Wan menulis buku ini haruslah dipuji dan dicontohi oleh para pemimpin badan-badan sukan yang lain. Walaupun beliau sibuk dengan tugas-tugas rasmi namun rasa cintanya terhadap sukan badminton mendorong beliau menulis buku ini. Saya berharap buku ini dapat dijadikan bahan rujukan yang berguna.

17. Dengan ini saya dengan rasa sukacitanya melancarkan buku berjudul "Badminton Malaysia: Sejarah dan Perjuangan" oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Abdullah Fadzil Che Wan dengan rasminya.

Majulah sukan untuk negara.

Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.